
KOLOKIUM SISWAZAH KITA

PEMBENTANGAN DERAF AKHIR TESIS DOKTOR FALSAFAH (PENGAJIAN ETNIK)

Dasar Afirmatif di Malaysia : Kajian Tentang Majlis Amanah Rakyat

AB BASSIT HUSAIN (P83556)

25 September 2024 | 2.30 petang

Pautan: Akan diberi kemudian

ABSTRAK

| | | |
|--------------------|---|---|
| Nama | : | AB BASSIT HUSAIN |
| No. Pelajar | : | P83556 |
| Program | : | Doktor Falsafah (Pengajian Etnik) |
| Penyelia | : | Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin FASc. |
| Tahap Pembentangan | : | Deraf Akhir Tesis |
| Tajuk | : | Dasar Afirmatif di Malaysia : Kajian Tentang Majlis Amanah Rakyat |

Kolonialisasi telah membawa banyak impak kepada negara jajahan termasuklah Malaysia. Berlakunya kepinggiran, kemiskinan dan ketidaksamarataan yang berlaku dalam masyarakat dan akhirnya ianya telah membawa kepada konflik dan pertentangan di dalam negara. Maka dasar awam memainkan peranan yang amat penting dalam merekayasa perubahan dan keadilan untuk memastikan agar pengagihan terancang sumber sumber awam dan hasil pembangunan negara. Mengambil kira permasalahan tersebut, kajian ini melihat bagaimakah governan di Malaysia melalui polisi dasar afirmatif telah membantu meningkatkan kedudukan sosio ekonomi anak watan yang terpinggi dan dimiskinkan oleh kuasa penjajah. Kajian ini melihat peranan yang telah dilaksanakan oleh MARA sebagai sebuah agensi pelaksana utama dasar afirmatif di Malaysia. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah analisis kandungan secara kualitatif untuk mengkaji amanah-amanah yang telah diberikan kepada MARA. Kajian dilakukan menggunakan dokumen rancangan-rancangan Malaysia dan juga dokumen laporan tahunan MARA. Berdasarkan alat analisis, terdapat tiga amanah utama yang telah diamanahkan kepada MARA untuk dilaksanakan iaitu amanah keusahawanan, amanah pendidikan dan amanah pelaburan. Hasil analisis menunjukkan bahawa MARA telah memainkan peranan yang amat besar dalam membantu meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu dari segi pendidikan, keusahawan dan pelaburan. Kajian ini menunjukkan kefahaman mengenai kepentingan dasar awam dan governan yang baik akan menjadi kekuatan kepada pembangunan dan pembinaan bangsa Malaysia agar negara ini terus kekal harmoni, stabil dan maju.

Kata kunci: dasar afirmatif, dasar awam, governan, agensi, MARA.